




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI RABU: 10 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 32)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH : 10 DISEMBER 2008

SOALAN :

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah persiapan negara ke atas pemanasan global khususnya untuk berdepan dengan kesan peningkatan paras air laut yang menyebabkan risiko banjir terutamanya di kawasan rendah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius akan ancaman pemanasan global dan perubahan iklim. Persiapan dan tindakan Kerajaan bagi menangani isu ini terbahagi kepada dua pendekatan, iaitu pendekatan mitigasi dan adaptasi. Pendekatan mitigasi adalah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau seperti karbon dioksida dan metana. Manakala pendekatan adaptasi ialah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kesan perubahan iklim kepada manusia dan alam sekitar termasuk peningkatan paras air laut yang boleh menyebabkan kejadian banjir.

Menurut kajian oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), fenomena perubahan iklim dijangka menyebabkan hujan bulanan maksima meningkat sehingga 51% bagi negeri-negeri pantai timur manakala aliran banjir di kawasan tadahan di negeri Kedah, Pahang, Terengganu dan Kelantan boleh meningkat dari 11% hingga 43%.

Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa memantau dan menjalankan pengubahsuaian sekiranya perlu bagi menangani kesan perubahan iklim terhadap struktur dan infrastruktur banjir sediaada. Pada masa yang sama, dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir yang baru, peningkatan nilai hujan tadahan dan aliran banjir yang dijangkakan akan diambil kira khususnya dalam rekabentuk projek-projek tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]**
TARIKH : **10 DISEMBER 2008**
RUJUKAN : **1365**

SOALAN:

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) apakah kriteria untuk seseorang suami atau isteri asing yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia untuk mendapatkan status penduduk tetap atau kewarganegaraan Malaysia; dan
- (b) berapa lamakah tempoh masa untuk memproses permohonan seseorang suami atau isteri asing untuk diberi taraf penduduk tetap atau kewarganegaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang suami atau isteri asing kepada warganegara Malaysia perlulah memohon Permit Masuk (*Entry Permit*) dari Jabatan Imigresen Malaysia di bawah Seksyen 10 Akta Imigresen 1959/63 terlebih dahulu sebelum layak mendapat taraf Pemastautin Tetap dan memohon Kad Pengenalan (*MyPR*) di Jabatan Pendaftaran Negara selaras Peraturan 5 Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Seterusnya suami atau isteri asing kepada warganegara Malaysia yang bertaraf Pemastautin Tetap boleh memohon kewarganegaraan Malaysia sekiranya telah memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Isteri Asing Kepada Warganegara Malaysia

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isteri asing kepada warganegara Malaysia yang ingin memohon taraf kewarganegaraan perlu memohon Permit Masuk untuk mendapatkan taraf Pemastautin Tetap terlebih dahulu.

Kelayakan memohon Permit Masuk ialah:

- i) Berkahwin dengan warganegara Malaysia secara sah;
- ii) Telah tinggal bersama-sama suami beliau di negara ini selama tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun; dan
- iii) Bersih dari sebarang rekod jenayah.

Setelah isteri asing kepada warganegara Malaysia ini mendapat Permit Masuk ia boleh memohon Kad Pengenalan (MyPR) daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Seseorang yang telah mendapat taraf Pemastautin Tetap seterusnya boleh memohon taraf kewarganegaraan dengan syarat-syarat berikut:

- i) Perkahwinan didaftarkan mengikut undang-undang bertulis negara ini;
- ii) Perkahwinan masih kekal;
- iii) Telah menjadi Pemastautin Tetap di Persekutuan selama 2 tahun; dan
- iv) Berkelakuan baik.

Suami Asing Kepada Warganegara Malaysia

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan khusus yang membolehkan golongan suami asing kepada warganegara Malaysia memohon Permit Masuk untuk mendapatkan taraf Pemastautin Tetap. Walau bagaimanapun, Kerajaan memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada golongan ini dengan mengambil kira ikatan dan tempoh perkahwinan serta kehadiran anak-anak hasil perkahwinan tersebut. Selain itu, kepakaran yang dimiliki serta sumbangan yang mampu diberikan oleh golongan ini kepada negara juga diambil kira.

Perlembagaan Persekutuan tidak memberi apa-apa peruntukan kepada suami asing kepada warganegara Malaysia untuk memohon kewarganegaraan Malaysia. Walau bagaimanapun, mereka yang telah mendapat taraf Pemastautin Tetap boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Pemohon mestilah berusia 21 tahun ke atas;
- ii) Pemohon telah bermastautin kekal (dengan taraf Pemastautin Tetap) di Persekutuan selama 12 tahun;

- iii) Pemohon berniat untuk bermastautin untuk selama lamanya; dan
 - iv) Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang memadai.
- (b) Ahli Yang Berhormat, tempoh memproses permohonan taraf Pemastautin Tetap dan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah bergantung pada beberapa faktor. Antaranya setiap permohonan akan melalui beberapa prosedur yang penting, seperti temu duga, siasatan oleh Jabatan Imigresen Malaysia serta Tapisan Keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia bagi permohonan Permit Masuk, dan Ujian Bahasa Melayu, Tapisan Keselamatan yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia, selain daripada semakan ke atas dokumen dan penilaian ke atas individu berkenaan bagi permohonan kewarganegaraan. Dengan demikian, tiada suatu tempoh khusus yang ditetapkan bagi suatu keputusan dikeluarkan. Kesemua syarat dan prosedur yang ditetapkan juga bertujuan untuk meminimumkan penyalahgunaan kemudahan yang disediakan seperti di dalam situasi *'marriage of convenience'* dengan izin. Meskipun aspek keselamatan negara akan diberi keutamaan melebihi kepentingan individu, Kementerian senantiasa memantau senario semasa demi penambahbaikan terhadap sistem penyampaian Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]
TARIKH : 10 DISEMBER 2008
SOALAN :

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah projek pembinaan Poliklinik Serian akan dimulakan dan dijangka siap.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Klinik Kesihatan Serian telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan yang tidak mencukupi, projek ini dijangka akan dapat dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

- iii) Pemohon berniat untuk bermastautin untuk selama lamanya; dan
 - iv) Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang memadai.
- (b) Ahli Yang Berhormat, tempoh memproses permohonan taraf Pemastautin Tetap dan taraf kewarganegaraan Malaysia adalah bergantung pada beberapa faktor. Antaranya setiap permohonan akan melalui beberapa prosedur yang penting, seperti temu duga, siasatan oleh Jabatan Imigresen Malaysia serta Tapisan Keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia bagi permohonan Permit Masuk, dan Ujian Bahasa Melayu, Tapisan Keselamatan yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia, selain daripada semakan ke atas dokumen dan penilaian ke atas individu berkenaan bagi permohonan kewarganegaraan. Dengan demikian, tiada suatu tempoh khusus yang ditetapkan bagi suatu keputusan dikeluarkan. Kesemua syarat dan prosedur yang ditetapkan juga bertujuan untuk meminimumkan penyalahgunaan kemudahan yang disediakan seperti di dalam situasi '*marriage of convenience*' dengan izin. Meskipun aspek keselamatan negara akan diberi keutamaan melebihi kepentingan individu, Kementerian senantiasa memantau senario semasa demi penambahbaikan terhadap sistem penyampaian Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]
TARIKH : 10 DISEMBER 2008
SOALAN :**

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah projek pembinaan Poliklinik Serian akan dimulakan dan dijangka siap.

Tuan Yang di-Perua,

Projek Klinik Kesihatan Serian telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan yang tidak mencukupi, projek ini dijangka akan dapat dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kespulun (RMK-10).

NO = 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 DISEMBER 2008 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. ~~19~~

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan Kementerian telah mengumumkan untuk mengurangkan kapasiti simpanan elektrik (*reserve capacity*) dari 41 peratus kepada 25 peratus menjelang 2014, tetapi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengatakan sebaliknya. Apakah perancangan Kerajaan sebenarnya?

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Matlamat utama Kerajaan adalah untuk memastikan bahawa semua rakyat menerima bekalan elektrik yang berterusan dan berdaya harap, tanpa membebankan mana-mana pihak. Sebenarnya, apa yang dikatakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak bercanggah dengan apa yang telah diumumkan oleh Kerajaan sebelum ini.

Sekiranya penurunan *reserve margin* tersebut dilaksanakan secara mendadak daripada 41% ke 25%, bermakna ada di antara IPP yang terpaksa dihentikan pengoperasiannya, terutama bagi loji jana kuasa lama seperti yang terdapat di Paka, Terengganu dan Pasir Gudang, Johor. Walau bagaimanapun, penutupan loji ini tidak bermakna penjimatan dapat dilaksanakan kerana Kerajaan terpaksa pula membayar ganti rugi pampasan kepada IPP terbabit atas penutupan loji jana kuasa tersebut. Sehubungan itu, langkah penutupan loji semata-mata untuk mengurangkan *reserve margin* bekalan elektrik di negara ini akan mengakibatkan Kerajaan

terpaksa menanggung beban pembayaran pampasan tersebut yang turut bermakna pembiayaan melalui wang rakyat. Untuk mengatasi situasi tersebut daripada berlaku, langkah menurunkan *reserve margin* tersebut perlulah dilaksanakan melalui perancangan yang teliti secara berperingkat, dan dilaksanakan bukan semata-mata dengan tujuan untuk membantu mengurangkan beban kenaikan harga minyak yang ditanggung oleh rakyat.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Perancangan hala tuju pembekalan elektrik negara ini adalah ditentukan dan dipantau oleh Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang merupakan badan unggul yang bertanggungjawab menentukan hala tuju industri pembekalan elektrik negara, merangkumi aspek perancangan, campuran bahan api, keselamatan sektor tenaga, penyusunan semula industri, penstrukturan tarif serta kelestarian pembekalan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dan turut dianggotai oleh wakil daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Sumber Asli, Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sabah, Suruhanjaya Tenaga, Lembaga Pembangunan Industri Malaysia

(MIDA), Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO), Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan Pusat Tenaga Malaysia (PTM)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HENRY SUM AGONG [LAWAS]
TARIKH : 10 DISEMBER 2008
SOALAN : 115

Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah penjawat awam:

- (a) dari Semenanjung Malaysia yang ditugaskan di Sarawak; dan
- (b) dari Sarawak berkhidmat di Semenanjung Malaysia sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penjawat awam berasal dari Semenanjung dan bertugas di Sarawak adalah seramai 3,728 orang.
- (b) Jumlah penjawat awam berasal dari Sarawak dan bertugas di Semenanjung adalah seramai 6,299 orang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
TARIKH : 10 DISEMBER 2008 (RABU)
SOALAN : NO.16

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peratus hasil kajian oleh universiti tempatan yang digunakan dalam pelbagai bidang pembangunan negara dan nyatakan hasil-hasil kajian yang digunakan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 56 produk R&D di IPTA yang telah berjaya dikomersialkan dan 311 produk berpotensi untuk dikomersialkan. Antara produk yang telah dikomersialkan adalah:-

- i. ***Typhidot Rapid*** oleh USM yang merupakan kit untuk mendiagnosis demam kepialu di mana telah memenangi 14 anugerah di peringkat antarabangsa dan tempatan dan kini boleh didapati secara komersial di China, India, Sri Lanka, Kuwait, Sudan, Afrika Selatan, Indonesia, Filipina, Pakistan, Thailand dan Vietnam. Hasil jualan kasar produk ini telah mencecah RM12 juta;

- ii. **ZAPPA** atau '**Zapa Padi Angin**' oleh UPM merupakan satu kaedah formulasi khas rawatan biji benih padi menggunakan oksigen aktif yang menggalakkan pertumbuhan dan pembesaran benih padi. Sehingga Ogos 2008, nilai hasil pengkomersilan ZAPPA telah mencecah RM7.3 juta yang di pasarkan di dalam dan luar negara seperti Indonesia.

- iii. **Sine Slab** oleh UTM merupakan satu kaedah penyelesaian alternatif yang digunakan untuk mengawal hakisan di kawasan pesisir pantai. Produk ini telah dikomersialkan oleh syarikat tempatan dengan nilai hasil jualan kasar produk ini pada tahun 2007 sebanyak RM225,000.

Disamping itu, banyak produk-produk R&D yang telah berjaya memenangi anugerah di peringkat antarabangsa. Umpamanya, UPM baru-baru ini telah memenangi satu anugerah khas, lima pingat emas dan tiga pingat perak dalam Pameran Antarabangsa Inovasi, Penyelidikan dan Teknologi Baru ke-57 di Belgium.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI
HAJI SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2008 (RABU)

NO. SOALAN : 17

**PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI minta
MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN
WARISAN menyatakan apakah tindakan-tindakan yang
diambil oleh Kementerian untuk memastikan 'e-records'
yang diperolehi diurus dan boleh bertahan untuk rujukan di
masa hadapan, sejajar dengan perubahan teknologi yang
begitu cepat.**

JAWAPAN

Tan Sri Yang Dipertua,

Selaras dengan peruntukan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KPKKW) melalui agensinya iaitu Arkib Negara Malaysia telah diberi mandat untuk memperoleh, menyimpan dan memelihara rekod-rekod kerajaan yang bernilai kekal samada berbentuk fizikal ataupun elektronik.

Untuk memelihara rekod-rekod elektronik (e-records), Arkib Negara Malaysia telah memperolehi dua sistem pada tahun 2006 iaitu:

- 1. Sistem Pengurusan Rekod Elektronik (ERMS) iaitu satu sistem yang dibangunkan khusus untuk**

menguruskan rekod dari peringkat pengwujudan hingga pelupusan rekod.

2. Sistem Pengurusan Arkib Digital (AMS) iaitu satu sistem yang menyediakan ruang penyimpanan rekod secara elektronik (*digital repository*) bagi menguruskan penyimpanan rekod-rekod elektronik yang dipindahkan oleh agensi kerajaan ke Arkib Negara Malaysia. Sistem yang sama juga telah digunakan oleh negara maju seperti United Kingdom.

Dengan pelaksanaan dua sistem ini, Arkib Negara dapat memastikan warisan dalam bentuk digital terpelihara dengan sempurna selaras dengan misi dan visi Arkib Negara Malaysia sebagai penyimpan khazanah warisan negara.

Melalui sistem ini juga sebuah repositori digital negara disediakan bagi kemudahan penyimpanan bahan arkib digital yang teguh dan terjamin dari segi keselamatan. Ia juga dapat membantu dalam mengekalkan ketersediaan maklumat dan capaian berterusan untuk selamanya. Tujuan di atas tercapai melalui keupayaan sistem tersebut untuk memelihara rekod secara aktif di samping menguruskan proses migrasi rekod secara teratur selaras dengan perubahan teknologi maklumat.

SOALAN 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)

TARIKH : 10 DISEMBER 2008

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan**

jumlah pinjaman tabung dana pelancongan yang telah diluluskan dan
jumlah kutipan balik pinjaman.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam konteks ini, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan ada menyediakan kemudahan pembiayaan pinjaman Dana Pelancongan iaitu Tabung Khas Pelancongan dan Tabung Infrastruktur Pelancongan bagi membantu para pengusaha yang ingin membangunkan atau mengembangkan produk-produk pelancongan seperti premis penginapan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan berkaitan pelancongan, tempat-tempat peranginan, kemudahan-kemudahan serta lain-lain projek yang berkaitan pelancongan.

Pinjaman Dana Pelancongan ini di tadbir urus oleh SME Bank Berhad dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Oleh yang demikian, semua permohonan telah disalurkan kepada kedua-dua bank tersebut untuk proses kelayakan pinjaman permohonan.

Sehingga **31 Oktober 2008**, pihak **SME Bank Berhad** telah pun meluluskan pinjaman berjumlah **RM1.715billion** yang melibatkan sejumlah **328 buah syarikat** bertaraf bumiputra di bawah pembiayaan Tabung Khas Pelancongan.

Manakala, sebanyak **296 buah syarikat** telah mula membayar semula pinjaman tersebut yang berjumlah **RM779.8juta**

Bagi pembiayaan di bawah Tabung Infrastruktur Pelancongan, dibawah **Bank Pembangunan Malaysia Berhad** sehingga **31 Oktober 2008**, telah pun meluluskan pinjaman berjumlah **RM1.28bilion** melibatkan sejumlah **43 buah syarikat**.

Manakala, sebanyak **23 buah syarikat** telah mula membayar semula pinjaman tersebut yang berjumlah **RM300juta**.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan siling Dana Pelancongan **RM3.0bilion** bagi setiap Tabung Pinjaman Pelancongan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]
TARIKH : 10 DISEMBER 2008
SOALAN :**

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada insiden penyakit-penyakit berjangkit telah naik kebelakangan ini di dalam negara. Jika ya, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal keadaan daripada berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Majoriti penyakit berjangkit di negara ini telah menunjukkan penurunan berikutan langkah pencegahan dan kawalan yang diambil oleh Kerajaan termasuk kerjasama daripada penduduk. Penyakit polio dan *small pox* telah pupus (*eliminated*) melalui rancangan pelalian. Penyakit berjangkit seperti campak, batuk ayam, tetanus, batuk kokol, malaria, kusta, *rabies*, filaria dan hepatitis B telah

menunjukkan penurunan penularan yang baik dan berstatus terkawal.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat penyakit berjangkit yang kadar penularannya masih tinggi dan penyakit yang dikategorikan penyakit berjangkit baru muncul (*newly emerging diseases*) ini yang mempunyai kaitan dengan gaya hidup penduduk serta status kebersihan alam sekitar. Contoh-contoh penyakit ini adalah denggi, *tuberculosis*, *HIV*, *Hand Foot and Mouth Disease*, keracunan makanan dan Chikungunya.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian atas perkara ini dan telah mengambil tindakan berikut bagi mengawal keadaan daripada berleluasa;

- i) Pengukuhan sistem pemantauan penyakit berjangkit bagi tujuan pengesanan awal dan respons kawalan yang berkesan;
- ii) Meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat bagi membudayakan cara hidup sihat bagi memastikan diri dan persekitaran bersih dan makanan berkeadaan selamat dan baik untuk dimakan;
- iii) Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat berkenaan penyakit-penyakit berjangkit melalui pengedaran bahan pendidikan berkenaan penyakit-penyakit tersebut;

- iv) Penglibatan masyarakat dalam pencegahan dan kawalan denggi melalui Program *Communication and Behavioural Impact* (COMBI) di lokaliti wabak;
- v) Penyediaan garis panduan dan pelan strategik untuk penyakit-
penyakit berjangkit; dan
- vi) Bekerjasama dan menjalankan perkongsian dengan pelbagai agensi yang terlibat dalam urusan kawalan penyakit-
penyakit berjangkit seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian (Jabatan Haiwan) dan Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat)

No: 20

SJ.B/(128)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.12.2008 SOALAN NO: 20

Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah cukai, dividen dan royalti yang dibayar oleh setiap syarikat petroleum yang beroperasi di Malaysia kepada Kerajaan dari tahun 1974 iaitu sejak Petronas ditubuhkan sehinggalah pertengahan tahun 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai dan royalti yang dibayar oleh syarikat-syarikat petroleum yang beroperasi di Malaysia kepada Kerajaan dari tahun 1974 hingga Jun 2008 adalah berjumlah sebanyak RM332 bilion. Manakala Kerajaan telah menerima dividen daripada Petronas berjumlah sebanyak RM76 bilion dalam tempoh yang sama.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
(HULU TERENGGANU)**

TARIKH : 10.12.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menggredkan jawatan Pegawai Pelajaran Daerah sekurang-kurangnya tahap DG 52 dan bilakah ianya akan berkuatkuasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan telahpun meluluskan 20 jawatan Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) pada Gred DG52. Ini adalah merupakan jawatan tambahan dengan gred yang lebih tinggi. PPD yang terlibat ialah empat di Johor dan Selangor, tiga di Perak, dua di Kedah serta Pulau Pinang dan masing-masing satu di Kelantan, Melaka, Terengganu, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Bagi lain-lain daerah adalah dipertimbangkan berdasarkan kompleksiti tugas. Oleh itu bagi daerah yang kecil adalah sesuai dikekalkan pada gred yang sedia ada.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]
TARIKH : 10 Disember 2008
SOALAN :

Y.B. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pulangan yang 'tangible' hasil pelaburan semula Petronas dalam eksplorasi di luar negara serta apa pula risiko yang dihadapi.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS telah melabur semula sebahagian keuntungannya untuk membiayai operasi dan mengembangkan perniagaan syarikat. Ini termasuklah pelaburan dalam aktiviti-aktiviti carigali minyak dan gas di luar negara. Hasil dari aktiviti ini, rizab minyak dan gas antarabangsa PETRONAS pada 1 Januari 2008 adalah bersamaan dengan 6.24 bilion tong atau 24% daripada jumlah rizab minyak dan gas PETRONAS. Purata pengeluaran minyak dan gas antarabangsa PETRONAS bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 adalah bersamaan dengan 615,000 tong sehari. Jumlah ini merupakan 35% daripada jumlah purata pengeluaran minyak dan gas PETRONAS sehari. Dari segi perolehan pula, operasi PETRONAS di luar negara menyumbang sebanyak RM90 bilion atau 40.3% daripada

keseluruhan perolehan PETRONAS sebanyak RM223.1 bilion pada tahun kewangan berakhir Mac 2008.

Tuan Yang di Pertuan,

Berhubung dengan risiko yang dihadapi, ingin dimaklumkan bahawa PETRONAS tidak terkecuali dari menghadapi risiko dalam menjalankan operasi di luar negara seperti mana pelaburan yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang lain. Antara risiko terbesar yang dihadapi adalah risiko politik seperti peralihan kuasa oleh Kerajaan baru seperti yang berlaku di Chad, Afrika pada tahun 2006. Lain-lain risiko termasuklah risiko rampasan kapal seperti mana yang terjadi kepada kapal-kapal MISC di perairan Aden baru-baru ini serta risiko akibat kekacauan dalam negeri di mana PETRONAS beroperasi.

Namun begitu, setakat ini PETRONAS telah berjaya menangani masalah-masalah yang dihadapi dengan baik hasil pendekatan dan jalinan hubungan yang rapat dengan pihak-pihak berkaitan di negara-negara berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2008

SOALAN:

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada SUHAKAM akan dijadikan badan bebas bertaraf seperti badan pencegah rasuah. Jika tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk merubah struktur SUHAKAM yang sedia ada. Ini adalah kerana sejak ditubuhkan, SUHAKAM telah menjalankan fungsi-fungsinya dengan bebas, tanpa campur-tangan daripada pihak Kerajaan. Fungsi-fungsinya, sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 4(1), Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, adalah seperti berikut:

- Untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubung hak asasi manusia;
- Untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil;
- Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam perjanjian dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia;
- Untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia.

Di samping itu, sejak penubuhannya, terdapat beberapa insiden di mana SUHAKAM telah mengeluarkan pernyataan awam mengenai hak asasi manusia yang bercanggah dengan dasar Kerajaan, namun

Kerajaan tidak menyekat pernyataan tersebut, sebaliknya telah menerima pernyataan tersebut sebagai pandangan bebas SUHAKAM. Ini membuktikan bahawa SUHAKAM adalah badan yang bebas dan menjalankan tugasnya tanpa ada campur tangan oleh Kerajaan. Berdasarkan tersebut, Kerajaan akan terus menyokong dan memberi penuh kebebasan kepada SUHAKAM untuk menjalankan fungsi-fungsinya sebagaimana yang terkandung dalam Akta penubuhannya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ZAHRAIN MOHAMED
HASHIM**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2008
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah bilangan askar mencukupi untuk mempertahankan negara dan adakah Kerajaan bercadang untuk memperbesarkan bilangan ini supaya ianya setanding dengan negara-negara jiran.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berpendapat kekuatan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah ditetapkan adalah mencukupi dan bersesuaian bagi keperluan pertahanan masa kini. Dengan kekuatan semasa, ATM mampu dan berupaya untuk mempertahankan kedaulatan negara dari sebarang ancaman.

Pelan pembangunan keupayaan ATM adalah mengikut keperluan semasa dan bukannya mengikut pembesaran angkatan seperti mana yang dilakukan oleh sesetengah negara jiran yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai dan saiz wilayah serta geo-strategik yang berbeza. Manakala keanggotaan ATM pula dirancang mengikut prinsip *right sizing* yang dianalisis dari semasa ke semasa.

Penilaian secara teliti telah dilakukan oleh ATM bahawa konsep peperangan moden untuk memenangi sesuatu medan perang adalah banyak bergantung kepada:

- a. Pemodelan angkatan dengan penekanan diberikan kepada penguasaan aset dan teknologi yang canggih. Oleh itu, sistem latihan yang sistematik dan penguasaan ilmu pengetahuan menjadi lebih utama daripada pembesaran jumlah anggota.**

b. Keupayaan menggabungkan kekuatan dan dimensi peperangan melibatkan ketiga-ketiga cabang perkhidmatan dalam bentuk *assigned forces* di dalam mempertahankan ruang udara, daratan, permukaan laut dan bawah permukaan. Ianya pula perlu disokong dengan penguasaan teknologi maklumat dalam konteks *network centric operation* (NCO) dan *network centric warfare* (NCW).

c. Keupayaan menggabungkan sumber-sumber negara di dalam konteks Pertahanan Menyeluruh atau HANRUH (*Total Defence*) di mana tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara bukan hanya semata-mata dipikul oleh anggota tetap ATM, malah ianya melibatkan semua agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan rakyat jelata. Sehubungan itu, pembesaran angkatan simpanan termasuk keanggotaannya adalah menjadi keutamaan dan mampu menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan keterangan di atas, pelan pembangunan keupayaan ATM atau lebih dikenali sebagai 4D MAF sebagai persediaan menghadapi abad ke 21 yang serba tidak menentu ini. Perolehan aset-aset dan teknologi pertahanan yang canggih adalah menjadi keutamaan di samping melahirkan modal insan ATM yang lebih berkualiti, berpengetahuan dan

SULIT

menguasai kepakaran-kepakaran yang dimiliki oleh negara-negara maju di dalam bidang pertahanan. Apa yang ingin dicapai oleh ATM ialah melahirkan sebuah angkatan yang kecil/sederhana tetapi sasa aspek daya pemusnah (*a lean and mean force*), dan pada masa yang sama mewujudkan sebuah angkatan tetap yang benar-benar profesional.

25
SOALAN NO: ~~21~~

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : RABU, 10 DISEMBER 2008
RUJUKAN : ~~21~~ 25.
SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH
PENGEPUKUTUAN** menyatakan bilangan pemohon untuk
menyewa rumah pangsa/PPR terdiri dari ibu tunggal dan
golongan berpendapatan rendah yang diterima, dilulus dan
ditolak bagi tempoh 2006, 2007 dan 2008 serta sebab-
sebab tidak memberi keutamaan tawaran kepada pemohon-
pemohon.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, semua pemohon yang berminat untuk menyewa unit rumah awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu mendaftar dengan Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) dengan mengisi borang permohonan yang disediakan. Dari Januari 2006 hingga Jun 2008, Jabatan Pengurusan Perumahan telah menerima 16,541 permohonan untuk menyewa rumah awam DBKL. Daripada jumlah tersebut hanya 4,777 permohonan (28.88%) yang layak dan selebihnya 11,764 permohonan (71.12%) adalah tidak layak (ditolak) kerana tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dalam masa yang sama, masih terdapat 31,637 pemohon yang layak sejak tahun 1998. Namun, keutamaan diberikan kepada penduduk setinggan, golongan berpendapatan rendah, ibu tunggal, warga emas dan OKU. Pecahan permohonan mengikut tahun adalah seperti berikut :-

TAHUN	PENDAFTARAN LAYAK	PENDAFTARAN TIDAK LAYAK	JUMLAH KESELURUHAN
2006	689	3,274	3,963
2007	1,588	5,879	7,467
JUN 2008	2,500	2,611	5,111
JUMLAH KESELURUHAN	4,777	11,764	16,541

Memandangkan unit rumah yang ada adalah terhad, Jabatan Pengurusan Perumahan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menilai semua permohonan rayuan penyewaan unit rumah awam DBKL yang diterima daripada pemohon yang telah didaftarkan layak. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kelayakan pemohon (pendapatan, bilangan tanggungan, status pemohon dan lain-lain) serta kekosongan unit yang ada.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memberi keutamaan kepada golongan ibu tunggal dalam penawaran penyewaan unit rumah awam DBKL. **Dari tahun 2005 sehingga tahun 2007, sebanyak 1,182 tawaran penyewaan unit rumah awam DBKL telah dikeluarkan kepada golongan ibu tunggal.** Jumlah ini mewakili 24% daripada 4,897 tawaran keseluruhan yang dikeluarkan. Pecahan tawaran mengikut tahun adalah seperti berikut :-

TAWARAN / TAHUN	2005	2006	2007	JUMLAH
Tawaran kepada ibu tunggal	173	361	648	1182
Tawaran kepada OKU	25	53	36	114
Tawaran kepada lain-lain yang layak	1060	1230	1311	3601
Jumlah keseluruhan tawaran yang dikeluarkan	1258	1644	1995	4897

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 10 DISEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan telah mempertimbangkan semula pendiriannya untuk tidak mengumumkan bayaran ex gratia yang diberikan kepada hakim-hakim yang terlibat dalam krisis badan kehakiman pada tahun 1988. Jika pertimbangan telah dibuat, nyatakan bila pihak Kerajaan akan mengumumkan bayaran ex gratia tersebut.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah menjawab perkara tersebut 6hb November 2008.

Memandangkan unit rumah yang ada adalah terhad, Jabatan Pengurusan Perumahan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menilai semua permohonan rayuan penyewaan unit rumah awam DBKL yang diterima daripada pemohon yang telah didaftarkan layak. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kelayakan pemohon (pendapatan, bilangan tanggungan, status pemohon dan lain-lain) serta kekosongan unit yang ada.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memberi keutamaan kepada golongan ibu tunggal dalam penawaran penyewaan unit rumah awam DBKL. **Dari tahun 2005 sehingga tahun 2007, sebanyak 1,182 tawaran penyewaan unit rumah awam DBKL telah dikeluarkan kepada golongan ibu tunggal.** Jumlah ini mewakili 24% daripada 4,897 tawaran keseluruhan yang dikeluarkan. Pecahan tawaran mengikut tahun adalah seperti berikut :-

TAWARAN / TAHUN	2005	2006	2007	JUMLAH
Tawaran kepada ibu tunggal	173	361	648	1182
Tawaran kepada OKU	25	53	36	114
Tawaran kepada lain-lain yang layak	1060	1230	1311	3601
Jumlah keseluruhan tawaran yang dikeluarkan	1258	1644	1995	4897

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 10 DISEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan telah mempertimbangkan semula pendiriannya untuk tidak mengumumkan bayaran ex gratia yang diberikan kepada hakim-hakim yang terlibat dalam krisis badan kehakiman pada tahun 1988. Jika pertimbangan telah dibuat, nyatakan bila pihak Kerajaan akan mengumumkan bayaran ex gratia tersebut.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah menjawab perkara tersebut 6hb November 2008.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(SERDANG)
TARIKH : 10.12.2008

SOALAN:

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah 1782 buah sekolah bantuan Kerajaan akan ditukar kepada sekolah Kerajaan dan kegunaan peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah RMK-9 untuk sekolah bantuan Kerajaan setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung cadangan menjadikan sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pendidikan 1996 dengan jelas menerangkan status sesebuah sekolah termasuklah sekolah bantuan kerajaan. Dalam hal ini, kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil tanah tapak sekolah yang bukan kepunyaan kerajaan melainkan pemilik tanah tersebut secara sukarela menyerahkannya kepada kerajaan. Di samping itu, banyak aspek lain perlu diberikan perhatian terhadap dasar mengambil alih sekolah berkenaan seperti persetujuan semua ibu bapa, lembaga pengelola dan PIBG; proses pengambilalihan tanah; penyediaan tapak dan pemilihan lokasi yang sesuai; serta kos pembinaan infrastruktur. Perkara yang lebih utama dalam hal ini adalah kemampuan kewangan kerajaan untuk melaksanakan semua perkara-perkara tersebut. Perlu dijelaskan bahawa masih banyak sekolah kerajaan khususnya di luar bandar dan pedalaman sangat memerlukan perhatian khususnya dari segi pembangunan dan kemudahan fizikal.

NW: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN DR. MOHD. PUAD BIN ZARKASHI
TARIKH : 10 DISEMBER 2008

Soalan:

TUAN DR. MOHD. PUAD BIN ZARKASHI (BATU PAHAT) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan cadangan untuk menyediakan pinjaman mudah sebanyak RM50,000 untuk tujuan perniagaan kepada kakitangan Kerajaan. Apakah modus operandi yang akan digunakan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) melalui agensi-agensi di bawahnya iaitu MARA dan TEKUN Nasional menyediakan kemudahan pembiayaan kepada kakitangan Kerajaan yang menjalankan perniagaan secara sambilan dengan had maksimum RM50,000.00 dan ke bawah tanpa cagaran atau jaminan.

Pertimbangan diberikan kepada kakitangan kumpulan sokongan yang berjawatan tetap dan telah disahkan jawatan serta mendapat kebenaran bertulis daripada majikan bagi menjalankan perniagaan secara sambilan. Kemudahan ini diwujudkan bagi membantu usahawan Bumiputera yang ingin memula dan

meningkatkan perniagaan melalui pembiayaan perniagaan dan khidmat sokongan.

Sehubungan dengan itu, MECD telah meminta semua agensi pembiayaan di bawahnya untuk menyediakan saluran pembiayaan dengan segera kepada kakitangan awam yang sedang berkhidmat untuk menjalankan perniagaan kecil secara sambilan. Pekeliling mengenai perkara ini telah diedarkan kepada semua agensi-agensi Kerajaan.

Dalam hal ini, MECD telah mengeluarkan Garis Panduan Pembiayaan kepada kakitangan awam untuk dijadikan panduan oleh semua agensinya yang terlibat seperti berikut :

- i) Pemohon adalah kakitangan awam yang berjawatan tetap dan telah disahkan dalam jawatan.
- ii) Mendapat kebenaran bertulis daripada majikan bagi menjalankan perniagaan.
- iii) Mengemukakan surat persetujuan potongan gaji dan mendapat kebenaran daripada majikan.
- iv) Mempunyai perniagaan yang berdaftar. Pendaftaran perniagaan adalah bertaraf 'Milikan Tunggal'. Sekiranya perniagaan perkongsian, hanya rakan kongsi utama sahaja yang layak untuk dipertimbangkan pembiayaan.
- v) Memenuhi syarat-syarat permohonan pembiayaan yang sedia ada dan juga syarat-syarat khusus bagi jenis perniagaan yang dijalankan.
- vi) Masih berkhidmat dengan kerajaan dan berumur tidak kurang 18 tahun sehingga 58 tahun semasa membuat permohonan. Tempoh bayaran balik boleh melebihi umur 58 tahun.
- vii) Perniagaan yang dijalankan adalah selepas waktu pejabat.
- viii) Mempunyai lokasi/premis perniagaan yang sah.

- ix) Mempunyai lesen / permit / daftar perniagaan yang sah atau surat kebenaran daripada pihak berkuasa untuk menjalankan perniagaan kecuali bagi mana-mana perniagaan yang tidak memerlukan.
- x) Menjalankan perniagaan yang dibenarkan di sisi undang-undang.
- xi) Perniagaan yang dijalankan tidak mengganggu tugas harian sebagai penjawat awam.
- xii) Jenis perniagaan yang dijalankan tidak berkaitan dengan tugas rasmi di pejabat.

Selain daripada syarat-syarat di atas, pemohon juga perlu memenuhi syarat kelayakan asas pembiayaan TEKUN Nasional seperti berikut :

- i) Bumiputera dan berumur 18 -65 tahun
- ii) Mempunyai lesen / permit / daftar perniagaan yang sah (Pembiayaan di bawah RM5,000.00 tidak perlu mengemukakan daftar perniagaan, kecuali mereka yang berniaga di kawasan PBT yang memerlukan lesen permit)
- iii) Mempunyai tempat / lokasi perniagaan yang khusus
- iv) Pembiayaan perniagaan sedia ada tidak melebihi RM50,000.00.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **Tuan Matulidi bin Jusoh (Dungun)**
- TARIKH** : **10 Disember 2008 (Rabu)**
- SOALAN** : **Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan sebuah bangunan Kerajaan Persekutuan di daerah Dungun bagi menempatkan pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan untuk memudahkan pengurusan, serta menyenangkan rakyat untuk berurusan dengan Jabatan Kerajaan dan pentadbiran?**
- JAWAPAN** : **Pada masa ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina Bangunan Gunasama Persekutuan (BGS) di Daerah Dungun. Pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan hanya akan dibina di daerah yang berkepadatan penduduk dan pembangunan yang tinggi. Faktor-faktor lain yang perlu diambil kira adalah keperluan ruang pejabat yang begitu mendesak, pejabat terlibat tidak mampu menampung bilangan pegawai/kakitangan yang ramai akibat pertambahan perjawatan serta menghadapi masalah penyewaan kerana kadar sewa yang tinggi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan**

yang mendesak, pembangunan BGS bagi Daerah
Dungun boleh dipertimbangkan di dalam senarai
projek-projek bagi Rancangan Malaysia ke Sepuluh
(RMKe-10).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
(KUALA NERUS)**

TARIKH : 10.12.2008

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah peruntukan tahunan yang diberikan kepada sekolah-sekolah untuk menyelenggara alat-alat seperti penghawa dingin, komputer di sekolah-sekolah di seluruh negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Peruntukan tahunan bagi penyelenggaraan bangunan tahun 2008 di bawah OS32000 untuk Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah sebanyak RM364,682,400.00. KPM juga menerima tambahan peruntukan pada bulan Julai 2008, sebanyak RM45 juta. Agihan peruntukan tersebut adalah mengikut Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Bahagian-bahagian di bawah KPM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)
TARIKH : 10.12.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pelajar-pelajar rakyat asing yang menuntut di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dan khususnya di daerah Kerian, Perak. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dan juga bilangan guru besar dan pengetua yang mengingkari arahan pengambilan kemasukan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Data sekolah kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sehingga 31 Januari 2008, seramai 6,313 orang murid warganegara asing di sekolah rendah dan menengah seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 4,703 orang murid di sekolah rendah, manakala 1,610 orang murid di sekolah menengah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi daerah Kerian, Perak, seramai 9 orang murid warganegara asing di sekolah rendah manakala 7 orang murid di sekolah menengah. KPM melalui Jabatan Pelajaran Negeri akan menerima permohonan murid warganegara asing untuk mengikuti pendidikan di negara ini setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEE LEONG

TARIKH : 10 DISEMBER 2008

SOALAN :

Tuan Lee Chee Leong [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana usaha penyusunan semula Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dapat mencapai matlamat untuk mengurangkan kes-kes rasuah yang berlaku di negara ini.

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melibatkan usaha untuk memperkasakan agensi sedia ada melalui penambahan keanggotaan yang profesional dan pewujudan mekanisme terancang bagi memastikan penglibatan segenap lapisan masyarakat dalam usaha untuk memerangi jenayah rasuah. Pertambahan keanggotaan tersebut dapat membantu menyegerakan tugas-tugas siasatan dan membolehkan SPRM memberikan perkhidmatan pencegahan rasuah yang lebih baik kepada masyarakat. Manakala itu, jalinan kerjasama pelbagai pihak dalam usaha pembanteras rasuah akan dapat memastikan jenayah rasuah dapat dibanteras secara lebih bersepadu dan terancang tanpa meletakkan tanggungjawab tersebut hanya kepada Kerajaan dan SPRM sahaja. Sokongan dan penggembengan usaha ini dapat membantu mengurangkan kes-kes rasuah dari terus berleluasa.

Sekian, terima kasih.